



Nurul Syakirin (empat dari kiri) bersama penyokong pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar di USIM.

[FOTO AMIRUL NUBLI WAN AHMAD/BH]

Siswi pertama terajui MPP

» Nurul Syakirin peroleh 6,879 undi tewaskan 14 calon lain di USIM

Oleh Basir Zahrom, Tuty Haryanti Ahmad Rodzi dan Ayusliza Azizan
bhnews@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

Mahasiswa Tahun Tiga Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, memperoleh undian tertinggi bagi kerusi umum pemilihan Majlis

Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam.

Nurul Syakirin Ahmad Najid, 22, daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, memperoleh 6,879 undi dan dijangka mencatat sejarah sebagai Yang Dipertua MPP wanita pertama.

Berasal dari Temerloh, Pahang, dia tidak menyangka memperoleh undi tertinggi, namun bersyukur dengan keputusan itu.

Katanya, tujuan utamanya bertanding ialah untuk membawa suara mahasiswa ke peringkat lebih tinggi.

"Saya tidak mahu apabila belajar di sini hanya menjadi mahasiswa dan sebaliknya mahu menjadi wakil kepada ma-

hasiswa mengemukakan pelbagai isu yang relevan," katanya ditemui selepas majlis pengumuman pemilihan MPP.

Sementara itu, proses pengundian pemilihan MPP berlangsung aman kerana setiap calon bertanding atas tiket individu.

Larang tanding kumpulan

USIM melarang calon bertanding atas tiket kumpulan, sekali gus tidak membabitkan kumpulan Pro-Aspirasi (Pro-A) atau Pro-Mahasiswa (Pro-M).

Seramai 7,352 mahasiswa atau 79.93 peratus mengundi seawal jam 9 pagi hingga 5 petang di dua kampus, iaitu di sini dan Pandan Indah, Selangor.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alum-

ni) yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MPP, Profesor Datuk Dr Mohamed Asin Dollah, berkata seramai 37 calon bertanding merebut 16 kerusi di lapan Fakulti, manakala 15 calon merebut lapan kerusi umum.

"Seramai 10 calon di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Fakulti Pergiangan di Kampus Pandan Indah, selain Fakulti Pengajian Al Quran dan Sunnah, Fakulti Ekonomi dan Muamalat serta Fakulti Pengajian Bahasa Utama di sini, menang tanpa bertanding," katanya.

Kerusi fakulti lain yang dipertandingkan ialah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang serta Fakulti Sains dan Teknologi.